

# Faktor-Faktor Ketidaksuburan Wanita Berkerjaya

Nur Shahirah Amelia Mat Rohani dan A'dawiyah Ismail

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
E-mail: SHA6538@gmail.com; ada@ukm.edu.my

---

**Abstrak** –Wanita berkerjaya memainkan peranan penting dalam penjagaan kesihatan mereka agar sentiasa sihat dan dapat meneruskan kehidupan sebagai seorang wanita yang sempurna. Hal ini dapat dilihat melalui berita dan juga isu semasa yang dinyatakan di akhbar-akhbar, media cetak atau media elektronik yang menyatakan bahawa wanita berkerjaya sekarang menghadapi masalah kesuburan yang semakin menurun. Objektif kajian ini adalah mengkaji faktor-faktor ketidaksuburan wanita berkerjaya. Selain itu, reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian kualitatif. Dapatan menunjukkan bahawa faktor tekanan, masalah kitaran haid yang tidak menentu, berat badan, umur, genetik dan perhubungan jarak jauh (PJJ) merupakan antara faktor yang menyebabkan wanita berkerjaya mengalami masalah atau lambat memperoleh zuriat atau anak. Wanita berkerjaya dapat mengatasi masalah kesihatan ini dengan mendapatkan rawatan secara moden di mana-mana hospital atau pusat rawatan dan disarankan agar mengamalkan cara yang dituntut dalam Islam dengan mendekati diri kepada Allah SWT, mempunyai sifat-sifat mahmudah seperti sentiasa bersyukur dengan setiap kejadian serta redha dengan ujian yang turunkan-Nya kepada mereka. Di samping itu, Allah SWT memberi dugaan kepada hamba-Nya dengan kupayaan hamba-Nya dalam mengharungi ujian. Oleh itu, kaum wanita berkerjaya perlulah sentiasa mengingati ajaran yang dituntut oleh syariat Islam agar segala masalah dapat diatasi dengan baik.

**Kata kunci:** Ketidaksuburan, Wanita Berkerjaya

---

## I. Pendahuluan

Wanita diertikan sebagai seorang perempuan yang bersifat halus pekerti, lemah lembut dan seorang yang berbudi pekerti. Sifat ini adalah sifat semula jadi yang bergelar sebagai seorang wanita dan ia sesuai dengan fitrah yang dikurniakan oleh Allah SWT (Khamsiah Ahmad 1981). Pada zaman kini kebanyakan wanita telah melibatkan diri mereka dalam bidang pekerjaan dan mencapai cita-cita serta keinginan yang mereka inginkan. Malahan wanita merupakan sebahagian daripada komuniti manusia dan penglibatan wanita sangat diperlukan dalam masyarakat dan dunia kerjaya di samping pertambahan wanita dalam sektor pekerjaan membawa kepada negara maju dan memberi impak terhadap kestabilan sesebuah keluarga dalam melahirkan modal insan yang berkualiti dengan berpaksikan ketakwaan serta keimanan kepada Allah SWT (A'dawiyah Ismail & Atikullah Abdullah 2010). Selain itu, wanita berkerjaya juga merupakan seorang wanita yang berkecimpung dan menyalurkan sumbangan sama ada dalam aspek keluarga, organisasi, masyarakat dan negara.

Dalam hubungan suami isteri, kesuburan wanita amat dititikberatkan walaupun mereka sibuk dengan kerja-kerja harian. Hal ini bertujuan untuk memperoleh zuriat atau anak sebagai penerus generasi keluarga (Tim Sarasvati & Arina Darmawis 2012). Wanita berkerjaya tidak boleh diabaikan sesekali mereka sibuk dalam urusan pekerjaan

kerana tuntutan atau matlamat perkahwinan adalah memelihara keselamatan keturunan, memenuhi keperluan hidup, mengelak daripada perbuatan terkutuk seperti zina, hubungan mahram dan lain-lain, memelihara hubungan sesama manusia serta memperluas dan mengeratkan hubungan silaturrahim (Mustafa Daud 1995).

## II. Wanita Bekerjaya menurut Perspektif Islam dan Ketidaksuburan Wanita Berkerjaya

Wanita membawa erti al-Mar'ah atau al-Nisa' yang bermaksud seorang wanita atau perempuan. Menurut tokoh Barat iaitu Payne dalam (Burns dan Covington, 1999) menyatakan bahawa seseorang wanita yang sempurna adalah mereka yang dapat bergelar sebagai seorang ibu. Selain itu, wanita juga merupakan seorang yang perlu dibelai dan dikasihi kerana mereka mempunyai sifat-sifat yang lemah lembut dan sensitif. Hal ini dikatakan bahawa wanita sangat mudah pengaruh dan emosi cepat bertindak dengan pantas. Wanita berkerjaya memainkan peranan penting dalam sebuah institusi kekeluargaan, komuniti dan juga negara. Di Malaysia ramai wanita memperoleh pendidikan dan melibatkan diri mereka dalam bidang pekerjaan. Nurul Izza Abdul Aziz (2017) berpendapat bahawa kaum wanita diberi galakkan dan kebenaran untuk keluar bekerja akan tetapi mereka perlu mematuhi syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan dalam Islam agar maruah wanita dapat terpelihara dan terjaga. Hal ini disokong oleh kajian A'dawiyah Ismail (2016) menyatakan bahawa wanita berkerjaya mampu memikul tanggungjawab dan peranan utama di rumah serta mampu melaksanakan tugas sebagai khalifah melalui pelbagai bidang pekerjaan agar dapat membina keluarga berkualiti menurut syaria Islam di samping wanita yang melibatkan diri mereka dalam bidang pekerjaan boleh memberi sumbangan dan manfaat dalam membangunkan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Islam tidak melarang wanita keluar untuk bekerja tetapi wanita itu berhak mengutamakan dalam memikul tanggungjawab sebagai seorang isteri atau penyeri dalam rumah tangga (Mek Wok Mahmud et al. 2014). Allah SWT telah menyebut secara umum dalam al-Quran surah Ali-Imran ayat 195:

Maksudnya:

*Maka Tuhan mereka perkenankan doa mereka (dengan firmanNya): "Sesungguhnya Aku tidak akan mensia-siakan amal orang-orang yang beramal dari antara kamu, sama ada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya yang lain; maka orang-orang yang berhijrah (kerana menyelamatkan agamanya), dan yang diusir keluar dari tempat tinggalnya, dan juga yang disakiti (dengan berbagai gangguan) kerana menjalankan agamaKu, dan yang berperang (pada jalan Allah), dan yang bertaubat (yang gugur syahid dalam perang Sabil) - Sesungguhnya Aku akan hapuskan kesalahan-kesalahan mereka, dan sesungguhnya Aku akan masukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, sebagai pahala dari sisi Allah dan di sisi Allah jualah adanya pahala yang sebaik-baiknya (bagi mereka yang beramal soleh)".*

Penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan merupakan sebagai ibadat. Malahan wanita perlu mencari rezeki yang halal dan diredhai oleh Allah SWT (A'dawiyah Ismail, 2016). Agama Islam juga telah memberikan garis panduan dalam menyatakan tentang keharusan seseorang wanita untuk bekerja. Di samping itu, segala amal, ibadah dan perbuatan manusia sama ada lelaki atau perempuan akan dihitung akhirat kelak dan Islam memberi galakkan dan peluang ke atas hamba-hamba-Nya dalam mencari rezeki di muka bumi Allah SWT (Nor Kartina Tawang 2008). Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 35:

Maksudnya:

*Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar.*

Wanita yang ingin keluar bekerja perlulah mematuhi beberapa syarat yang telah ditetapkan dalam Islam. Antaranya ialah seorang wanita berkerjaya perlulah menutup aurat, menjaga pergaulan antara lelaki dengan wanita dan mengelak daripada sebarang fitnah serta mendapat keizinan daripada wali iaitu bapa atau suami (Noor Zuhaila Jusoh 2009). Kepentingan wanita berkerjaya adalah mereka dapat menyumbangkan tenaga dalam pembangunan komuniti, melahirkan wanita sebagai insan yang berintelektual dan berpendidikan serta dapat menjamin segala berkaitan hal ehwal wanita (Khalijah Mohd Salleh 1994).

Wanita berkerjaya sentiasa dikaitkan dengan masalah ketidaksuburan apabila menghadapi masalah untuk mendapatkan zuriat. Demikian itu, ketidaksuburan dikenali sebagai infertiliti dan diertikan pasangan suami isteri yang telah berkahwin serta mempunyai masalah kesihatan (Nik Hazlina Nik Hussain & Shaiful Bahari Ismail 2010). Menurut Anne M. Jequier (2011) menjelaskan bahawa infertiliti bermaksud pasangan suami isteri yang telah bersama selama setahun tetapi ketidakupayaan atau kemandulan sama ada di antara lelaki atau wanita untuk memperoleh anak. *World Health Organization* (WHO) telah menyertai *International Committee for Monitoring Assisted Reproductive Technologies* (ICMART) pada tahun 2009 menjelaskan bahawa ketidaksuburan adalah kegagalan dalam kehamilan setelah 12 bulan atau lebih kerap tanpa sebarang pengambilan alat atau ubat pencegahan melakukan hubungan intim bersama suami isteri yang diertikan penyakit dalam sistem pembiakan (WHO 2016). Ini dibuktikan dalam kajian Wilcox & Mosher (1993) seramai 5.3 juta wanita di negara menghadapi masalah ketidaksuburan dan 9.1% mewakili wanita yang berumur daripada 15 tahun hingga 44 tahun. Wanita mengalami beberapa masalah termasuklah masalah hormon dan faktor-faktor yang boleh menjejaskan ovari, rahim, tiub dan penyakit servik (Helen A. Carcio 1998). Di Malaysia pula dapat dilihat dalam Jabatan Perangkaan Malaysia (<http://www.petunjuk.kesihatan.2015>) kadar kesuburan wanita semakin menurun dari tahun 2009-2013 iaitu wanita dalam lingkungan berumur 15 – 49 tahun.

Oleh itu, wanita berkerjaya perlu mengetahui faktor yang menyebabkan ketidaksuburan tersebut. Hal ini kerana wanita berkerjaya perlu memberi perhatian dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri terhadap suami, di samping mereka juga perlu melaksanakan pelbagai tugas serta memberi komitmen terhadap kerjaya mereka. Ini kerana Islam menganggap segala pekerjaan yang dilakukan oleh wanita adalah ibadah dan Islam tidak memisahkan mana-mana amalan manusia yang dilakukan selagi dengan niat ikhlas dan tidak bercanggah daripada ajaran dan peraturan syariat Islam.

### III. Faktor – faktor Ketidaksuburan (Inferteliti) Wanita Berkerjaya

Wanita berkerjaya menghadapi beberapa faktor menyebabkan wanita berkerjaya sukar atau tidak memperoleh anak. Ini disebabkan oleh faktor ketidaksuburan yang dialami oleh wanita berkerjaya seperti pertama faktor tekanan yang menyebabkan seseorang wanita itu sentiasa dalam keadaan tidak normal dan tidak subur (Mohd Rushdan Md.Noor et al. 2010). The World Health Organization (WHO) menjelaskan bahawa faktor kesihatan wanita mengenai kelambatan dalam memperoleh anak atau zuriat adalah disebabkan faktor tekanan dari aspek masalah dalam rumah tangga mahupun masalah di tempat kerja mereka ataupun gangguan kesihatan. Oleh itu, hal ini menyebabkan wanita berkerjaya ini tidak memperoleh zuriat atau lambat mendapat anak. Hal ini disokong dalam kajian Mohd Zamree Tukiran et al. (2012) mengatakan bahawa wanita berkerjaya tekanan kerjaya telah memberikan kesan signifikan terhadap fertiliti dan seterusnya mempengaruhi pertumbuhan penduduk di Malaysia. Manakala kajian Sri Yuniarti et al. (t.t) menyatakan bahawa faktor pendidikan, status kerja, pendapatan, kematian bayi merupakan salah satu faktor yang berkait dengan fertilitas atau kesuburan.

Di samping itu, menurut Nurul Hidayah (2005) dalam artikelnya menyebutkan bahawa seorang wanita yang menghadapi ketidaksuburan adalah faktor daripada tekanan sekeliling atau dikenali juga dalam bahasa Inggeris iaitu *stress*, *tension* dan *pressure*. Malahan pandangan Berk dan Shapiro (1984) dan juga Malpani (2004) dalam artikel Nurul Hidayah (2005) yang menjelaskan bahawa suami isteri yang menghadapi ketidaksuburan ini dalam masalah yang besar kerana mereka merasakan ketidaksuburan ini akan menyebabkan mereka merasa kehidupan mereka gagal. Hal ini menyebabkan pasangan menghadapi tekanan perasaan. Kajian Salasiah Hanin Hamjah & A'dawiyah Ismail (2012) dalam artikelnya yang menyatakan bahawa tekanan sering berlaku kepada kaum wanita kerana wanita berkerjaya perlu menjalankan tanggungjawabnya bukan sahaja sebagai seorang isteri malahan juga sebagai seorang kerjaya dalam bidang pekerjaan. Tambahan pula, tekanan dari pihak keluarga menjadi penyebab kepada ketidaksuburan malahan kebanyakan mertua akan menyalahkan kaum wanita atau isteri dalam masalah tidak memperoleh anak atau zuriat (Abdul Hamid Arshat, 1991).

Faktor kedua yang menyebabkan ketidaksuburan wanita berkerjaya adalah faktor kitaran haid yang tidak menentu. Wanita akan mengalami masalah kesuburan dan juga masalah kitaran haid yang tidak menentu sekiranya seseorang wanita itu menghadapi emosi atau kemurungan yang tidak stabil (Mohd Rushdan Md.Noor et al. 2010). Salasiah Hanin Hamjah & A'dawiyah Ismail (2012) menjelaskan tentang keadaan emosi seseorang boleh berlaku apabila lahirnya keadaan jiwa yang lemah sehingga seseorang itu merasakan dirinya tidak berupaya untuk menghadapi masalah yang berlaku. Menurut Nurulaneeyamirah Razali (2015) emosi wanita yang berkeupayaan untuk hamil dan juga emosi wanita yang tidak mempunyai keupayaan untuk hamil adalah berbeza. Masalah haid yang tidak menentu seperti datang bulan tiga bulan sekali. Hal ini menjadi sukar untuk pengiraan waktu kesuburan wanita pada setiap bulan. Kitaran haid yang tidak menentu juga menyebabkan kesuburan seseorang wanita semakin menurun. Demikian itu, ketidaksuburan wanita boleh menyebabkan terganggunya emosi seseorang itu.

Seterusnya, faktor yang ketiga adalah faktor berat badan. Faktor berat badan juga mempengaruhi ketidaksuburan seseorang wanita. Wanita yang mempunyai berat badan yang berlebihan daripada berat badan ideal yang dikenali juga sebagai *Body Mass Ideal* (BMI) akan mengalami masalah ketidaksuburan. Di samping itu, pasangan yang berkahwin melebihi 5 tahun tanpa hamil menyebabkan peluang untuk berlaku kehamilan itu makin tipis (Nik

Hazlina Nik Hussain & Shaiful Bahari Ismail, 2010). Menurut Kukuh Praworo (2011) menyatakan bahawa berat badan adalah penyebab berlakunya ketidaksuburan seseorang wanita. Hal ini juga disokong dalam penulisan Mohd Rushdan Md. Noor et al. (2010) berat badan yang berlebihan menyebabkan ketidaksuburan dan berat badan yang terlalu kurus juga dikaitkan dengan kesukaran untuk memperoleh anak. Hal ini kerana faktor hormon sama ada hormon yang dikeluarkan dari ovari atau hormon yang mengawal peranan ovari tersebut di kenali sebagai hipotalamus iaitu hormon *Gonadotrophin Releasing Hormone* (GnRH analog).

Keempat adalah umur merupakan salah satu faktor yang sangat berkait rapat dengan tahap atau kadar kesuburan seseorang wanita itu. Usia wanita yang paling tinggi kesuburannya adalah ketika usia dalam lingkungan di awal 20-an. Manakala wanita yang berumur 30 tahun ke atas kadar kesuburannya semakin menurun (Mohd Rushdan Md.Noor et al. 2010). Ini dipersetujui oleh Prilia Detiana (2010) yang menjelaskan tentang kesuburan wanita akan menurun pada usia 30 tahun dan menurun dengan cepat ketika berusia 35 tahun. Umur yang ideal bagi seseorang wanita untuk hamil adalah lingkungan berumur antara 25-35 tahun. Tambahan pula, menurut Nik Hazlina Nik Hussain & Shaiful Bahari Ismail (2010) menyatakan bahawa faktor umur merupakan penyebab ketid aksuburan wanita yang berumur lebih daripada 35 tahun akan menghadapi kekurangan fungsi ovari yang mana ovari tidak akan menghasilkan jumlah ovum yang banyak.

Faktor ketidaksuburan kelima adalah faktor genetik. Menurut Mohd Rushdan Md.Noor et al. (2010) ini kerana faktor genetik mempunyai kecenderungan atau kemampuan yang lebih tinggi dalam melakukan proses persenyawaan dengan sperma sekiranya ovum seseorang wanita memiliki kualiti genetik yang baik. Sebaliknya kelainan genetik boleh menyebabkan ovum yang dihasilkan tidak berkualiti dan tidak berlaku proses persenyawaan dengan sperma adapun ianya boleh berlaku persenyawaan tetapi embrio yang dihasilkan tidak dapat bertahan dan akan mengalami keguguran.

Faktor keenam ialah faktor perhubungan jarak jauh (PJJ) antara pasangan. Hubungan jarak jauh juga dikenali sebagai *long-distance relationship* (LDR) dialami oleh pasangan suami isteri disebabkan pekerjaan (Eni Juairiyah 2014). Perhubungan jarak jauh antara pasangan boleh menjejaskan tahap kesuburan wanita itu kerana agak sukar untuk bersama pasangan pada waktu kesuburan wanita. Hal ini juga merupakan salah satu faktor yang menjadi punca seseorang wanita itu tidak hamil atau lambat untuk hamil dan lambat untuk pasangan tersebut dikurniakan zuriat atau anak. Ini disokong oleh kajian Siti Alvin Nuril Bariroh (2015) menjelaskan tentang faktor jarak jauh antara suami isteri menyebabkan masalah berkomunikasi dan masa untuk bersama.

Oleh itu, faktor-faktor ini merupakan antara penyebab utama ketidaksuburan kepada wanita dalam memperoleh zuriat. Justeru, wanita berkerjaya perlu menghadapi ujian ini dengan cara mendekatkan diri kepada pencipta iaitu menjaga hubungan dengan Allah SWT dalam setiap urusan. Ini adalah langkah yang terbaik untuk mengatasi masalah tekanan perasaan. Berat badan yang tidak ideal memberi kesan kepada ketidaksuburan dan seharusnya wanita berkerjaya perlu mengurus berat badannya agar seimbang.

#### IV. Kesimpulan

Wanita berkerjaya yang bergelar isteri sudah pasti menginginkan cahaya mata sebagai penyeri dan ikatan dalam rumahtangga mereka. Malahan anak merupakan penyambung keturunan kepada ikatan perkahwinan dan mengeratkan lagi hubungan antara suami dan isteri. Oleh itu, wanita berkerjaya perlu menyedari tentang faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah ketidaksuburan seseorang wanita. Di samping itu, seseorang wanita yang berkerjaya juga perlu bijak dalam menguruskan urusan rumahtangga dan juga urusan kerja agar dapat menghindari daripada faktor-faktor yang menyebabkan ketidaksuburan.

Implikasi kajian ini dapat memberi pendedahan ilmu tentang faktor-faktor yang menyebabkan ketidaksuburan kepada seseorang wanita yang bekerja, di samping wanita dapat mengetahui cara untuk mengatasi masalah tersebut. Wanita berkerjaya hendaklah sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT, berzikir, mengerjakan solat-solat sunat dan sentiasa berfikiran positif serta memahami konsep bersyukur dengan ketentuan dan ketetapan Allah SWT. Saranan kepada wanita berkerjaya yang mengalami masalah ketidaksuburan adalah bertemu dengan pakar puan Obstetrik & Ginekologi (O&G) agar dapat mengetahui masalah yang dihadapi oleh wanita tersebut dan pasangannya serta mendapatkan cadangan rawatan yang sesuai oleh pakar. Langkah untuk menghilangkan tekanan masalah ketidaksuburan ini juga adalah dengan mendapatkan nasihat dan cadangan daripada pakar kaunseling, ahli psikologi atau daripada bantuan profesional dalam bidangnya.

#### Rujukan

1. Al-Quran al-Karim & terjemahan.
2. A'dawiyah Ismail & Atikullah Abdullah. 2010. Peranan Wanita dalam Pembentukan Keluarga Berkualiti Menurut Islam: Kes Wanita Berkerjaya di Putrajaya. *Jurnal Al-Hikmah* 2: 135-159.
3. A'dawiyah Ismail. 2016. *Keluarga Berkualiti dalam kalangan Wanita Berkerjaya*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
4. Abdul Hamid Arshat. Baka dan Zuriat. 1991. Kuala Lumpur: Syarikat S. Abdul Majeed.
5. Anne M. Jequier. 2011. *Male Infertility A Clinical Guide*. United Kingdom: Cambridge University Press.
6. Berk, A. & Shapiro, J. L. 1984. Some implications of infertility on marital therapy. *Family Therapy*, 9, 36-47.

7. Burns, L. H. & Covington, S. 1999. *Infertility Counseling: A Comprehensive Handbook for Clinicians*. New York: Parthenon.
8. Eni Juairiyah. 2014. *Pola Komunikasi Suami Istri Jarak Jauh*. Tesis Sarjana, Universitas Sebelas Maret.
9. Helen A. Carcio. 1998. Chapter 2: Causes of Infertility. Dlm. Helen A. Carcio. (pnyt.). *Management of the Infertile Woman*. New York: Lippincott.
10. Khalijah Mohd Salleh. 1994. *Wanita dan Alam Perjuangannya*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
11. Khamsiah Ahmad. 1981. *Wanita Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
12. Kukuh Praworo. 2011. *Terapi Medipic: Medical Picture*. Jakarta: Penebar Plus.
13. Malpani. 2004. *Stress and infertility*. <http://www.infertility.adoption.com>.
14. Mek Wok Mahmud et al (Amilah Awang Abd Rahman@Jusoh dan Asmak Hussin). 2014. *Ilmuwan Wanita Islam Globalisasi dan Hak Wanita*. Selangor: Persatuan Ulama' Malaysia.
15. Mohd Rushdan Md.Noor & Murizah Mohd Zain. 2010. *Panduan Lengkap Reproduksi Manusia dan Rawatan Infertiliti*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Cetakan Pertama.
16. Mohd Zamree Tukiran, Noraziah Ali & Usman Yaakob. 2012. *Fertiliti dalam Kalangan Guru Wanita di Daerah Kulaijaya, Johor: Satu Analisis Kuantitatif*. *Malaysia Journal of Society and Space* 8(9): 68-83.
17. Mustafa Daud. 1995. *Perkahwinan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
18. Nik Hazlina Nik Hussain & Shaiful Bahari Ismail. 2010. *Infertiliti Hala Tuju, Cabaran dan Seribu Pengharapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
19. Noor Zuhaila Jusoh. 2009. *Masalah Rumahtangga di Kalangan Wanita Bekerja: Kajian Kes di Jajahan Machang, Kelantan*. Disertasi: Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
20. Nor Kartina Tawang. 2008. *Permasalahan Wanita Bekerja di Sektor Perkilangan Penyelesaian dari Perspektif Syariah Kajian di Bandar Baru Bangi Selangor*. Tesis S.P.I., Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
21. Nurulaneeyamirah Razali & A'dawiyah Ismail. 2015. *Emosi dan Faktor-faktor Tekanan dalam Kalangan Wanita Infertiliti: Satu Tinjauan Awal*. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI) 2015*, hlm. 478-483.
22. Nurul Hidayah. 2005. *Nilai Anak, Stress Infertelitas dan Kepuasan Perkahwinan pada Wanita yang Mengalami Infertilitas*. Univesiti Ahmad Dahlan: Fakulti Psikologi.
23. Nurul Izza Abdul Aziz. 2017. *Wanita, Kerjaya dan Kelestarian Pembangunan: Bagaimana Perspektif Islam*. *Proceedings International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society (ISLAC) 2017*, hlm. 309-315.
24. Prilia Detiana. 2010. *Hamil Aman dan Nyaman di atas Usia 30 Tahun*. Yogyakarta: Media Pressindo.
25. Salasiah Hanin Hamjah & A'dawiyah Ismail. 2012. *Kaedah Mengatasi Tekanan dalam Kalangan Wanita Bekerjaya dari Perspektif al-Ghazali*. *Jurnal al-Hikmah* 4: 64-75.
26. Siti Alvin Nuril Bariroh. 2015. *Pola Konseling Keluarga Sakinah oleh Pasangan Suami Istri dalam Hubungan Jarak Jauh di Desa Sukosari Kunir Lumajang*. Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
27. Sri Yuniarti, Hadyana Sukandar & Hadi Susiarno. t.t. *Analisis Faktor yang Berhubungan dengan Fertilitas: Suatu Kajian Literatur*. Universitas Padjadjaran Bandung: Departemen Ilmu Kesehatan Masyarakat Fakultas Kedokteran.
28. Tim Sarasvati & Arena Darmawis. 2012. *Menangani Kesihatan Cara Holistik Kesuburan Wanita*. Kuala Lumpur: Synergy Media (S.A.Majeed & Co. Sdn Bhd).
29. Wilcox, L. S. & Mosher, W. D. 1993. *Use of Infertility Services in the United States*. *Obstetrics and Gynecology* (54): 122-127.
30. Kementerian Kesihatan Malaysia. 2015. *Petunjuk bagi Pemantauan dan Penilaian Strategi Health for All*. <http://www.petunjuk.kesihatan.2015> [15 Disember 2016].